

PELUANG

Nur Fatin Natasha Binti Bahari (1200254)

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Diterbitkan pada 9 Februari 2021

Sakitnya. Salur darah di kepala mula memainkan rentaknya yang tersendiri mengakibatkan sakit yang tidak terperi. Mungkin kerana seharian menghadap cahaya daripada layar laptop. Kerja yang bertimbun diabaikan begitu sahaja. Penat untuk memerah otak. Biarlah. Biarlah apapun yang jadi, jadilah. Migrain yang datang tiba-tiba membuatkanku hampir putus asa. Ini bukan pertama kalinya, tapi kali ini ia datang dengan hebat sehingga mata yang tadinya segar kini sayup-sayup menahan kesakitan.

Ibu yang digelar sebagai Cikgu Jah memicit kepala anaknya yang kesakitan. Tangan yang penuh dengan hirisan pisau, urat yang jika sekilas mata memandang sahaja boleh tahu betapa kuatnya wanita ini berjuang. Kerjayanya sebagai pendidik pastinya melebihi segunung kerja Fasehah namun dia berhenti untuk memberikan rawatan buat puteri kesayangan. Doa dari kalam Tuhan itu diulang berkali-kali sehingga kepala yang bagaikan mahu pecah dengan tiba-tiba berdetak normal. Tidak tersedar Fasehah telah dibuai mimpi setelah mendapat rawatan daripada ibu tercinta.

Mimpi ngeri itu datang lagi. Entah untuk kesekian kali ia datang dalam mimpi. Ia membuatkan aku takut untuk menghadapi hari esok, lusa, tulat dan tidak tahu sampai bila. Keesokan harinya, situasi masih juga sama. Banyak kerja yang belum aku siapkan. Tengok kalendar, aduh hari ini aku ada ujian. Satu pun belum aku baca lagi. Subjek yang menjadi kegilaan zaman sekolah dahulu kini menjadi sesuatu yang sangat aku takutkan. Lima minit lagi ujian akan bermula.

Tit. Masa bermula. Segala input di dalam otak rasanya telah hilang terbang bersama kesakitan semalam. Aku cuba membaca soalan itu berkali-kali namun tiada hasil. Satu jam lima belas minit berlalu begitu sahaja. Lima belas minit lagi ujian ini akan berakhir tapi kertas jawapan masih suci daripada dakwat pen.

Huruf-huruf yang bersusun di atas kertas putih itu aku tenung. Mengingat wajah ibu yang pernah kecewa terhadap aku dulu membuatkan aku menangis. Kenapalah aku ambil aliran ini. Mata mula memerah. Air mata mula berkolam. Kugagahkan juga untuk menulis jawapan walaupun aku tahu itu jawapan yang salah. Habis dua jam ujian. Aku bangkit daripada tempat duduk, keluar daripada dewan yang mula bingit dengan suara pelajar.

Dalam fikiran hanya memikirkan raut wajah ibu yang penuh kekecewaan. Bukan aku tidak berusaha. Habis segala perkara aku telah korbankan termasuk cita-citaku. Menyesal tidak sudah kerana menyambung pendidikan ke tahap yang lebih tinggi. Alangkah indahnya jika aku ikutkan suara hati. Aku berdiri di atas bukit yang tinggi, menghirup udara untuk menenangkan hati. Empangan air mata yang tadi tertahan tumpah jua. Kecewa dengan diri sendiri. Menyesal kerna tidak mengambil peluang itu dahulu. Hanya kerana malas menguasai diri pada hari itu, aku terus menolak peluang yang sangat berharga sehingga hati dan tubuhku merana. Peluang untuk belajar kalam Tuhan, menghafazkannya kini telah hilang. Baru aku rasa betapa peritnya kesedihan ini.

Dua tahun sebelum.....

Teringat peristiwa dua tahun sebelum aku memutuskan untuk menyambung pelajaran ke tahap hari ini. Aku menangis pada waktu itu. Menangis semahunya agar peluang dahulu itu masih ada untuk aku. Aku sudah berusaha untuk mencari

madrrasah bagi tarbiah diri, tapi sentiasa gagal. Keluargaku saat itu memandang aku seperti melihat orang gila yang tiada hala tuju.

Aku mengurungkan diri di dalam bilik kecil di rumah yang agak sederhana itu. Dalam hatiku; “Biarlah orang berkata apa, aku tidak peduli. Aku tetap dengan keputusan aku”. *Selfishnya* aku saat itu. Namun, linangan air mata waktu itu membuatkan mataku semakin berat dan aku membiarkan sahaja keputusan yang perlu aku buat untuk masa depan.

Ibu mula memanggil anaknya untuk sarapan. Tiada jawapan dari dalam bilik kecil itu, dan suara ayah pula yang mula kedengaran. “Fasehah anak solehah, mari sarapan. Nantilah fikir tentang tu. Makan dulu”. Pujukan lembut ayah itu betul-betul memukul sanubariku.

Anak solehahkah aku jika aku sering membuat ibu dan ayah risau?

Anak solehahkah aku jika seruan ibu ayah tidak disahut?

Anak solehahkah aku jika tidak ingin melaksanakan amanat kedua-dua insan mulia itu?

Setelah menyeka air mata yang bercucuran di pipi, barulah aku melangkah keluar daripada bilik itu. Aku sudah tekad dengan keputusan itu. Biarlah aku menyambung amanat yang diberi walaupun kehendak hati adalah untuk menjadi yang lain, kerana aku percaya mungkin dengan sebab menggembirakan mereka aku akan mendapat peluang itu kembali. Cepat atau lambat itu aturan Ilahi.

Bahuku disentuh oleh seseorang dari belakang. Tersentak aku daripada lamunan yang panjang. Aku menoleh ke belakang, oh, Kakak Kejayaan rupanya. Sengaja aku memanggil maksud namanya kerana bagiku dia adalah kakak yang sentiasa berjaya buat aku bersemangat dan tidak mudah putus asa. Dia menyapaku:

“Kenapa adik kakak ni? Soalan tadi hebat sangatkah sampai menangis macam ni?”

Macam kelakar sahaja pernyataan tu. Tapi itulah aku. Orang bugis kata *cengeng* sangat, sikit-sikit nak sentap walhal perkara mudah sahaja pun. Tanpa jawapan daripadaku, dia memberikan aku sehelai kertas seperti kertas untuk aku menulis jawapan peperiksaan Arab sebentar tadi. Entah apa lagi nasihatnya untuk diriku. Dahulu ketika aku hampir kemurungan, dia memberikan solusi untuk masalah aku. Ketika aku kesempitan wang, dia datang menghulurkan sedikit wang untuk aku walaupun aku tahu dia bukanlah daripada keluarga yang senang-lenang. Dia berusaha menjual coklat buatannya untuk menyara kehidupannya di kampus ini. Tapi kerana sikap dermawannya itulah yang membuat aku amat takjub dengan sosok pemuda di hadapan mataku ini.

Aku merenung surat itu. Tertulis kata-kata yang indah.

“Memang mudah bibir bermadah.. AKU BELAJAR LILLAH,

Hakikatnya di mana terarahnya wajah dan hati saat akal dan diri bertungkus lumus melunaskan setiap tugas yang diberi?

Bagaimana reaksi saat natjah yang diperoleh tidak memuaskan hati?

Sedarlah duhai hati, natjah dunia hanya dinilai secara zahir oleh mereka yang mengagungkan kebijaksanaan akal semata,

Hakikatnya natjah ukhrawi dinilai oleh sebaik-baik penilai... pemilik Segala Ilmu.

KEEP STRONG NAAA!!!”

Aku memandangnya dengan mata yang berkaca semula. Kakak Kejayaan meneruskan katanya, “Sehah sudah berusaha. Tinggal lagi berdoa”.

Dia mengajarku doa yang dia amalkan. Doanya berbunyi;

“Ya Allah, Engkau berikanlah aku natijah yang akan menambahkan keimanan dan ketakwaanmu kepadaMU. Seandainya keputusan ujian ini jatuh, saya berharap agar ia adalah jalan untuk daku bertakwa kepadaMU dan sekiranya ujian ini aku mendapat keputusan yang lebih baik dari sangkaan ku, maka jadikan daku hamba yang semakin beriman dan bertakwa kepadaMU.”

Kakak yang bertudung litup berwarna biru muda dan memakai kain hitam yang menutup separuh wajahnya tidak pernah gagal untuk memujuk aku untuk sentiasa bersemangat. Semangat untuk membuat pilihan daripada peluang yang masih ada. Ya. Aku masih ada peluang.

Dua tahun kemudian,

Sebulan lagi Fasehah akan menamatkan perjuangan dalam peringkat ini. Rupanya, ini bukanlah penamat namun ia adalah permulaan untuk Fasehah untuk mencapai matlamatnya. Teringat semua halangan dalam perjalanan mendapatkan segulung ijazah.

Kenangan bersama Kakak Kejayaan juga tidak akan dilupakan. Kakak Kejayaan kini menjadi seorang murabbi yang mendidik ummat Nabi S.A.W di sebuah Taman Mahabbah nun jauh di Jitra, Kedah.

Fasehah pula selangkah lagi bakal menamatkan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi. Kini, dia bukan sahaja berjaya memperoleh kepujian dekan sepanjang tujuh sem sebelum ini, malah dia juga telah mencapai cita-citanya yang diimpikan semasa berumur 18 tahun. Dia dipilih Allah menjadi seorang pemuda yang berjaya menghafal KalamNya pada usia 23 tahun. Peluang untuk menjadi Hafiz Quran yang dia peroleh selepas bertemu gurunya di Maahad Tahfiz Kedah selama

sebulan. Bersyukur dapat melaksanakan amanat ibu ayah dan dapat mencapai impian ini.

Pengalaman indah ini menjadikan dia percaya bahawa peluang itu wujud jika kita mengikut pilihan Ilahi. Cepat atau lambat ia akan tercapai jua jika bergantung sepenuhnya padaNya.

Kata-kata Kakak Kejayaan kini menjadi pegangan hidupnya.

“Jika kita tersepit antara dua pilihan, buatlah istikharah. Semakin kita buat istikharah semakin kita lihat bahawa dunia ini penuh dengan pilihan. Tapi untuk membuat pilihan yang terbaik, perlulah kita meminta kepada Allah untuk tunjukkan pilihan itu. Selepas buat pilihan yang terbaik, kita akan rasai kemanisan dalam membuat pilihan yang mendatangkan kebahagiaan dan ketenangan.”

(Kakak Kejayaan).

Peluang itu pasti wujud dalam pilihan yang kita buat. Saat jatuhmu, ingatlah peluang itu semakin dekat denganmu. Bangkitlah anak muda.